



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TAHAP DAN HUBUNGAN ATRIBUT PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN
NILAI DALAM PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) KE ARAH
KEMAHIRAN ABAD KE-21**

YIP CHAN LING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN DAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap dan hubungan atribut pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) (PAKK) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke arah kemahiran yang terdapat dalam Kerangka Kerja Pembelajaran abad ke-21. Ini merupakan satu kajian penerokaan yang melibatkan pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian terdiri daripada dokumen program PAKK dan soal selidik. Sampel kajian dipilih berdasarkan kaedah persampelan "*target population*" yang melibatkan 230 orang graduan ISMP (PAKK) Sesi 2013 dan 2014 dan pelajar semester 8 (Sesi 1 2011/2012). Statistik deskriptif (peratusan) dan inferensi (korelasi Pearson) digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan tahap atribut pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam program PAKK ke arah kemahiran abad ke-21 adalah rendah. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara atribut nilai, pengetahuan dan kemahiran dalam program PAKK dengan kemahiran abad ke-21. Kesimpulannya atribut nilai, pengetahuan, dan kemahiran dalam program PAKK sejajar dengan kemahiran Kerangka Kerja Pembelajaran abad ke-21. Namun demikian terdapat kekurangan yang ketara atribut ini di dalam program PAKK di UPSI. Implikasi kajian menunjukkan perlu satu semakan semula program PAKK UPSI untuk meningkatkan atribut ini dan penguasaannya dalam kalangan para pelajar PAKK bagi melahirkan pendidik yang berkualiti selaras dengan aspirasi PPPM 2013-2025.





THE LEVEL AND RELATIONSHIP OF THE ATTRIBUTES OF KNOWLEDGE, SKILLS AND VALUES IN THE BACHELOR OF EDUCATION (EARLY CHILDHOOD EDUCATION) PROGRAM TOWARDS 21ST CENTURY SKILLS

ABSTRACT

This aim of this study is to identify the level and correlation of the attributes of knowledge, skills and values in the Bachelor of Education (B.Ed.) (Early Childhood Education) (ECE) program at Sultan Idris Education University (SIEU) towards P21's Framework for 21st Century Learning. This is an exploratory study that involve the collection of both qualitative and quantitative data. The instruments used in this study comprised of ECE program documents and a survey questionnaire. The research sample consist of 230 students from the 2013 and 2014 B.Ed. (ECE) and semester 8 (Session 1 2011/2012) intake that was selected based on "target population" sampling technique. The data was analyzed using descriptive (percentage) and inferential (Pearson Correlation) statistics. The finding shows that the level of knowledge, skills and values attributes towards 21st century skills in the ECE program is low. Pearson Correlation shows a significant correlation between the attributes of knowledge, skills and values between the ECE program with 21st century skills. It can be concluded that the attributes of knowledge, skills and values in the ECE program in UPSI is aligned to the attributes of the 21st century skills. Nonetheless, these attributes are lacking in the ECE program in UPSI. There is a need to revise the ECE program in UPSI to elevate and master these attributes among ECE student teachers so as to achieve the aspiration of the Malaysia Education Blueprint (PPPM) 2013 – 2025.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Definisi Istilah Kajian	12
1.7.1	Pemetaan	12

1.7.2	Pengetahuan	12
1.7.3	Kemahiran	13
1.7.4	Nilai	13
1.7.5	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)	14
1.7.6	Kemahiran Abad Ke-21	14
1.8	Kerangka Konsep Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Rumusan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Program Pendidikan Awal Kanak-kanak	20
2.3	Kerangka Kerja Pembelajaran Abad Ke-21(<i>P21's Framework for 21st Century Learning</i>)	29
2.4	Teori Pembelajaran Taksonomi Bloom 2001	37
2.5	Konsep Pemetaan	40
2.6	Atribut Umum Kemahiran Abad ke-21	43
2.6.1	Pengetahuan	45
2.6.2	Kemahiran	48
2.6.3	Nilai	50
2.7	Kajian-kajian Lepas	51
2.7.1	Kajian dalam Negara	52
2.7.2	Kajian Luar Negara	55
2.8	Rumusan	65

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	68
3.3	Persampelan	69
3.4	Instrumen Kajian	70
3.4.1	Analisis Dokumen	70
3.4.2	Soal selidik	72
3.5	Kajian Rintis	75
3.5.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan	76
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	79
3.7	Analisis Data	83
3.7.1	Analisis Data Kualitatif	83
3.7.2	Analisis Data Kuantitatif	84
3.7.2.1	Statistik Deskriptif	84
3.7.2.2	Statistik Inferensi	86
3.7.2.3	Normaliti Data	87
3.9	Rumusan	89

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	90
4.2	Demografi Sampel	91
4.3	Jurang Atribut Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	95



4.4	Tahap Atribut Pengetahuan dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	100
4.5	Tahap Atribut Kemahiran dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	106
4.6	Tahap Atribut Nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	113
4.7	Hubungan Atribut Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	118
4.8	Rumusan	119

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	122
5.2	Ringkasan Kajian	125
5.3	Perbincangan Dapatan kajian	125
5.3.1	Jurang Atribut Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai Dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	126
5.3.2	Tahap Atribut Pengetahuan dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	127
5.3.3	Tahap Atribut Kemahiran dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	130
5.3.4	Tahap Atribut Nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	132

5.3.5	Hubungan Atribut Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21	134
5.4	Perbincangan Keseluruhan Kajian	135
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	140
5.5.1	Implikasi Terhadap Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI	140
5.5.2	Implikasi Terhadap Sistem Pendidikan Negara	141
5.5.3	Implikasi Terhadap Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak	141
5.6	Cadangan Dapatan Kajian	142
5.7	Kesimpulan	144

RUJUKAN	146
LAMPIRAN	159



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Senarai Kursus dalam ISMP (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI	23
2.2 Senarai Kursus Major yang ditawarkan oleh Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)	24
2.3 Senarai Atribut Kemahiran Abad Ke-21	36
3.1 Jumlah Persampelan Kajian	69
3.2 Organisasi Instrumen Kajian mengikut Komponen Utama kemahiran Abad Ke-21 dan Sub Atributnya	74
3.3 Tahap Persetujuan Skala Likert	75
3.4 Taburan Item selepas Pengesahan Pakar	77
3.5 Kebolehpercayaan Instrumen	78
3.6 Kebolehpercayaan Instrumen Mengikut Subskalanya	79
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	82
3.8 Kategori Peratusan	84
3.9 Min Skala Lima Likert Mengikut Tahap	86
3.10 Nilai 'r'	87
3.11 Nilai Skeness dan Kurtosis bagi Atribut Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai	88
4.1 Analisis Demografi Sampel	92
4.2 Pemetaan Kursus Mengikut Atribut Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai	96
4.3 Min Keseluruhan Atribut Pengetahuan	100





4.4	Jadual Keseluruhan Tahap Atribut Pengetahuan bagi Responden Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21(N=196)	101
4.5	Min Keseluruhan Atribut Kemahiran	106
4.6	Jadual Keseluruhan Tahap Atribut Kemahiran dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke Arah Kemahiran Abad Ke-21(N=196)	108
4.7	Min Keseluruhan Atribut Nilai	113
4.8	Jadual Keseluruhan Tahap Atribut Nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) Upsi ke Arah Kemahiran Abad Ke-21 (N=196)	114
4.9	Analisis Kolerasi	118





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep	16
2.1 Taksonomi Bloom semakan semula oleh Anderson dan Krathwohl 2001	37
2.2 Pembahagian Taksonomi Bloom mengikut Atribut Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai	40
3.1 Prosedur Menjalankan Kajian	81





SENARAI SINGKATAN

NRGS	Niche Research Grant Schema
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-kanak
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
OBE	Outcome Based Education
<i>Four Cs</i>	<i>Communicators, Creators, Critical Thinkers dan Collaborators</i>
<i>Three Cs</i>	<i>Reading, Writing dan Arithmetic</i>
ICT	Pengurusan Teknologi Informasi
PBL	Pembelajaran Berasaskan Masalah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SPSS	<i>Statistical Packages for The Social Science</i>
pdp	Pengajaran dan Pembelajaran





SENARAI LAMPIRAN

- A Analisis Program ISMP (Pendidikan Awal Kanak-kanak)
- B Soal Selidik
- C Analisis Output SPSS
- D Borang Pesetujuan Pelajar Sebagai Responden Kajian
- E Surat Permohonan Senarai Email
- F Borang Kebenaran Menjalankan Kajian
- G Surat Pelantikan Pakar





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Perubahan ekonomi hari ini memberi kesan kepada sistem pendidikan dan budaya pembelajaran persekitaran. Perubahan ini telah memberi implikasi yang mendalam kepada sistem pendidikan sesebuah negara pada generasi masa depan. Keperluan pekerja telah menekankan para pelajar perlu menguasai sifat dan kemahiran baru bagi menghadapi perubahan ekonomi global. Maka, sistem pendidikan guru juga mengalami perubahan dari segi pemasaran hermeneutik pendidikan guru secara sains praktikal berfokus kepada amalan atau praktik (Borg, 2015).

Selaras dengan perubahan sistem pendidikan, falsafah pendidikan telah beralih daripada tradisional kepada falsafah kontemporari pragmatik yang menekankan





penyelesaian masalah melalui persekitaran. Selain itu, teori-teori pembelajaran juga beralih daripada behavioris tradisional kepada teori kognitif dan konstruktivis yang berfokus kepada penjana dan menyebarkan pengetahuan dan bukan hanya perolehan maklumat yang dikira sebagai pengetahuan. Perubahan ini selaras dengan sistem pendidikan negara ke arah kemahiran abad ke-21 yang disarankan dalam Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran yang penting dalam kejayaan hari ini terutamanya di institusi dan tempat kerja. Secara umumnya, kemahiran abad ke-21 berkaitan dengan pengetahuan yang luas, kemahiran dan tabiat kerja. Konsep kemahiran abad ke-21 amat penting dalam mendorong pelajar pada masa hadapan terutamanya di institusi kerana kemahiran dan nilai kepada pelajar masih kurang diutamakan. Hal ini kerana pembelajaran pelajar adalah bersesuaian dengan peredaran zaman pelajar kerana ingin melahirkan pelajar yang mencerminkan permintaan khusus seperti mampu berdaya saing, berpengetahuan dan menguasai teknologi sepenuhnya.

Maka, pendidikan masa kini perlu melengkapkan pelajar menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai abad ke-21 supaya berdaya saing di pasaran global. Penguasaan abad ke-21 merangkumi kandungan pembelajaran dan kemahiran seperti pemikiran kritis, komunikasi, literasi, teknologi, dan kerjasama antara satu sama lain. Kesemua kandungan ini merupakan kemahiran abad ke-21 yang diperlukan dalam penguasaan disiplin pengajaran dan pemahaman dalam kalangan pelajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai. Sistem pendidikan di negara ini perlu berusaha mencapai matlamat pendidikan global ke arah abad ke-21.





1.2 Latar Belakang Kajian

Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) (Pendidikan Awal Kanak-kanak) (PAKK) (AT 19) merupakan program ijazah yang ditawarkan di bawah Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM). Program ini merupakan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan sepenuh masa mengambil masa selama 4 tahun (8 semester). Terdapat lima komponen utama yang ditawarkan kepada program ini iaitu kursus universiti, kursus profesional pendidikan, kursus major, kursus minor dan praktikum. Kesemua komponen ini memberi pendedahan pengajaran dan perkembangan kanak-kanak kepada pelajar.

Dalam usaha meningkatkan kualiti Program ISMP (PAKK) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah melakukan semakan semula program yang sedia ada dan dilaksanakan pada Semester 1 Sesi 2014/2015. Semakan semula dilakukan adalah berdasarkan perubahan pasaran pekerjaan pelajar pendidikan awal kanak-kanak, tumpuan kursus yang ditawarkan dan perubahan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan PERMATA. Penyemakan semakan semula kurikulum adalah selaras dengan permintaan pasaran terhadap kualiti guru pendidikan awal kanak-kanak.

Hal ini kerana dalam konteks pendidikan, bakal guru memainkan peranan dalam menguasai pengetahuan, kemahiran dan mempamerkan tingkah laku yang positif. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, pendidik perlu memberi pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan polisi dan dasar pendidikan negara. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, usaha meningkatkan kualiti pendidikan kerajaan telah menetapkan kelayakan guru





pendidikan awal kanak-kanak memerlukan sekurang-kurangnya diploma. Hasrat kerajaan menjelang tahun 2015, guru prasekolah berkeelayakan diploma telah tercapai iaitu sebanyak 30%. Bagi merealisasikan hasrat PPPM 2013-2025, institusi pengajian tinggi dan institusi guru memainkan peranan yang penting dalam melahirkan guru pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti selaras dengan hasrat kerajaan.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat meningkatkan enrolmen kanak-kanak di negara ini yang berdaftar di prasekolah daripada 71 peratus pada 2013 kepada 88 peratus 2014 merupakan satu cabaran. Sejajar hasrat ini keperluan perkhidmatan graduan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang berkeelayakan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan penting bagi menjana keperluan industri ini secara langsung dan tidak langsung. Maka, pemasaran graduan pendidikan awal kanak-kanak harus bersedia menerima cabaran yang dihadapi.

Bagi memastikan kemakmuran negara, penguasaan kemahiran abad ke-21 merupakan elemen yang penting dalam sistem pendidikan guru pada hari ini. Melalui penyemakan semula program yang dijalankan perlu mengambil kira elemen abad ke-21 supaya kurikulum yang dirancang dapat meningkatkan kualiti dalam sistem pendidikan negara. Hal ini kerana masyarakat di seluruh dunia kini telah melakukan reformasi pendidikan dalam bidang pembangunan profesional guru selaras dengan perubahan global (Mendive, Weiland, Yoshikawa & Snow, 2016). Keadaan ini berlaku kerana professional guru merupakan agen yang paling penting dalam refomasi ini. Menurut Gess-Newsome, Taylor, Janet, Gardner, Christopher dan Molly (2017) professional guru berhubung kait dengan kualiti pengajaran. Hal ini kerana kualiti pengajaran akan memberi pengalaman yang bermakna kepada pelajar. Selain itu,





tekanan dan harapan yang lebih tinggi daripada masyarakat telah memberi kesan kepada guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Maka dengan ini, bakal guru harus bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran mereka sepanjang kerjaya mereka.

Peningkatan kualiti dalam pendidikan dapat menjamin kemajuan yang berterusan bagi menggalakkan perkembangan ekonomi negara mereka terus berkembang maju (Mok, 2007). Namun begitu, Malaysia telah mengalami masalah terhadap kualiti guru dan pemasaran para siswazah (High-performing education, 2013). Sehubungan itu, timbulnya masalah sama ada pendidikan di Malaysia mampu menyediakan guru dan pelajar yang mampu mengatasi cabaran global (Zachariah, 2013). Dewasa ini, pembangunan profesional guru telah menjadi semakin mencabar bagi generasi muda di Malaysia kerana mempunyai nilai dan harapan yang tinggi dalam kehidupan. Guru bukan sahaja sebagai tenaga pengajar yang memberi pengetahuan kepada pelajar namun juga memikul tanggungjawab pembentukan warganegara yang berpengetahuan dan berkemahiran. Dengan ini, seorang guru perlu membangunkan pengetahuan, kemahiran, nilai yang diperlukan dalam amalan profesional selaras dengan perkembangan global.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada era digital dan globalisasi kini, kemahiran abad ke-21 telah dibincangkan dalam sistem pendidikan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menyenaraikan hasrat dan matlamat pendidikan dalam menyediakan





generasi muda yang dapat memakmurkan negara. Pencapaian hasrat pendidikan ke arah abad ke-21, Kementerian telah menggubal kurikulum kebangsaan ke arah melahirkan pelajar yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang, patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi, dan bekerja dalam pasukan dengan berkesan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Penggubalan kurikulum dilakukan oleh Kementerian mengandungi unsur-unsur dan elemen abad ke-21 yang mendorong untuk melahirkan modal insan yang berkualiti.

Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar bagi menghadapi cabaran dalam situasi kehidupan sebenar dan menjadi seorang modal insan yang berkualiti (Nasir & Yunus, 2016). Salah satu melihat kepada institusi pendidikan guru dalam melahirkan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam melengkapkan diri untuk menghadapi masalah dalam kehidupan dan menjadi guru yang berkemahiran abad ke-21. Pada tahun 2016, guru prasekolah telah bertambah dari 7510 orang (tahun 2012) kepada 8894 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Peningkatan pasaran guru pendidikan awal kanak-kanak telah mewujudkan persoalan samada guru dapat menguasai kemahiran abad ke-21 seterusnya mencapai objektif kurikulum. Hal ini kerana terdapat isu mengenai bakal guru kurang didedahkan kemahiran, pengetahuan dan sikap yang diperlukan dalam kerjayaan mereka (Ismail & Mahamod, 2016) ke arah abad ke-21.

Sebelum ke arah pembelajaran abad ke-21, pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak masih pada peringkat pendidikan tidak formal. Aspek proses pengajaran dan pembelajaran murid bersifat tradisional dan menggunakan pendekatan berpusatkan





guru yang berfokus kepada guru sahaja sebagai penyampai pengetahuan sahaja (Kasim, 2014). Namun, ke arah pembelajaran kemahiran abad ke-21 pembelajaran kanak-kanak telah berfokus kepada pembelajaran persekitaran dan teknologi. Keadaan ini memberi cabaran kepada guru dalam menghadapi masalah seperti teknologi, transformasi ekonomi, persaingan antarabangsa dan tempatan (Darling-Hammond & Lieberman, 2013). Walaupun terdapat cabaran dalam bidang pendidikan, elemen-elemen yang diperlukan oleh guru abad ke-21 perlu disediakan kepada pelajar sebelum memasuki alam persekolahan sebenar.

Kelayakan guru pendidikan awal kanak-kanak sekurang-kurangnya berkelayakan diploma telah disarankan dalam PPPM 2013-2025. Keadaan ini berlaku kerana kelayakan guru pendidikan awal kanak-kanak masih menjadi isu (Subadrah



Madhawa Nair, Zahyah Hanafi & Sopia Md Yassin, 2017) dalam bidang pendidikan

awal kanak-kanak. Dalam usaha ke arah abad ke-21, kelayakan guru perlu dipertingkatkan melalui sistem pendidikan supaya dapat meningkatkan profesionalisme guru (Noor & Hamidon, 2016). Namun begitu, dalam penyediaan profesionalisme guru kurang membincangkan unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai ke arah abad ke-21. Dalam kajian Sharma et al. (2008) menyatakan masih kekurangan kajian berkaitan bakal guru dalam menyediakan proses pengajaran kepada kepelbagaian pelajar. Kepelbagaian pengajaran merupakan elemen pembelajaran abad ke-21 yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan untuk mengaplikasikannya. Tinjauan awal yang dilakukan oleh American Association of Colleges for Teacher Education [AACTE] (2011) dan Rust (2010) menunjukkan bahawa pelajar masih gagal menghubungkan pembelajaran teori, penyediaan dan mengamalkan konteks profesional guru dalam bilik darjah.





Dalam konteks penyediaan guru, pendidikan tinggi memberi penumpuan kepada persediaan pelajar ke alam pekerjaan. Laporan *Ontario's 21st Century Competencies: Foundation Document for Discussion* (2016) menyatakan abad ke-21 telah mengalami perubahan tenaga pekerja disebabkan perubahan teknologi dunia dan pengetahuan globalisasi. Maka, guru harus sedar akan kepentingan dan menyediakan diri dalam mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran seperti penyelesaian masalah, penilaian, penaakulan, membuat keputusan, dan keupayaan untuk menggunakan teknologi digital (Darling-Hammond, 2007; Greenhill, 2010; Trilling & Fadel, 2009; Jia, Oh, Sibuma, LaBanca & Lorentson, 2016). Namun begitu, timbulnya persoalan samada kurikulum yang sedia ada dapat menyediakan pelajar ke arah abad ke-21. Hal ini kerana sebuah kurikulum akan menyenaraikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu diajar oleh guru dan diperolehi oleh seorang murid (Pelan Pembangunan



Berdasarkan isu-isu utama tersebut, penyelidik melihat kepada jurang yang terdapat dalam Program ISMP (PAKK) dalam melahirkan pelajar ke arah penguasaan kemahiran abad ke-21. Sehubungan dengan itu, penggabungan pengetahuan teras mata pelajaran, kemahiran dan nilai guru merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran. Melalui kemahiran abad ke-21 mampu melahirkan pelajar berjaya dalam kehidupan. Pengetahuan, kemahiran dan nilai adalah antara elemen yang perlu diteroka supaya dapat melahirkan guru yang profesional dalam melahirkan generasi masa hadapan yang lebih berdaya saing pada abad ke-21.





1.4 Objektif Kajian

Objektif utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jurang, tahap dan hubungan atribut pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam Program ISMP (PAKK) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21. Berikut adalah objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam kajian ini.

- i. Mengetahui jurang di antara atribut pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21.
- ii. Mengetahui tahap atribut dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21.
- iii. Mengetahui hubungan yang signifikan antara atribut pengetahuan, atribut kemahiran dan atribut nilai Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti di bawah:

- i. Adakah terdapat jurang di antara atribut pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21?
- ii. Apakah tahap atribut dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21?
 - a. Apakah tahap atribut pengetahuan dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21?
 - b. Apakah tahap atribut kemahiran dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21?
 - c. Apakah tahap atribut nilai dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara atribut pengetahuan, atribut kemahiran dan atribut nilai Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI ke arah kemahiran abad ke-21?



1.6 Kepentingan Kajian

PPPM 2013-2015 telah mengenal pasti pendidikan guru sebagai satu daripada 11 perubahan yang perlu dilaksanakan untuk tranformasi pendidikan negara. Justeru, proses perubahan pendidikan guru harus bermula dengan pemetaan program pendidikan yang sedia ada dengan kemahiran abad ke-21 untuk melakukan tranformasi. Hal ini kerana kebanyakan kajian yang dijalankan berkaitan dengan kanak-kanak dan jarang melihat kepada program pendidikan guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dalam konteks Malaysia. Maka melalui pemetaan Program ISMP (PAKK) dengan kemahiran abad ke-21, dapat mengenal pasti atribut pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu dikuasai oleh seorang guru dalam mendidik kanak-kanak. Dengan menjalankan kajian seperti ini dapat memastikan kualiti kurikulum dari segi matlamat, objektif pendidikan, penilaian dan keadaan pengajaran yang dilaksanakan selaras dengan peredaran global. Justeru itu, dapat memastikan kualiti kurikulum yang sedia ada dikemaskini dan dinilai dari masa ke masa.

Kajian ini penting dilaksanakan bagi melahirkan generasi muda iaitu kanak-kanak yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai yang positif. Transformasi global ke arah abad ke-21, guru memainkan peranan untuk menyediakan generasi muda berjaya dalam pembelajaran, pekerjaan dan pembelajaran berterusan. Maka, guru perlu membimbing dan mendidik kanak-kanak menguasai pengetahuan dan kemahiran abad ke-21, menyelesaikan masalah dan isu bukan berfokus kepada buku teks dan formula sahaja. Hal ini kerana penguasaan kemahiran ini mampu melahirkan generasi berdaya saing di pasaran global dan menghadapi perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Di samping itu, selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

